

Pendidikan wadah penting erat hubungan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bidang pendidikan menjadi wadah penting bagi mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Australia selaras hasrat kerajaan menjadikan negara pusat kecemerlangan pendidikan tinggi.

Perdana Menteri berkata, sesuai dengan perkembangan masyarakat pelbagai kaum, agama dan kebudayaan di negara ini, Malaysia menyediakan suasana yang unik bagi memberi peluang kepada rakyat Australia memahami lebih dekat budaya orang Asia.

"Ia membantu rakyat Australia mengenali lebih dekat Asia dan orang Asia. Rakyat Australia dipelawa datang ke sini.

"Ia mungkin menjadi sumbangan Malaysia sebagai timbal balas terhadap peluang pendidikan yang disediakan kepada rakyat negara ini," katanya di majlis jamuan makan malam sempena pelancaran Yayasan Malaysia-Australia di sini, hari ini.

Yayasan Malaysia-Australia itu dianggotai oleh tokoh terkemuka dalam pelbagai bidang daripada sektor kerajaan, perniagaan dan profesional yang pernah menerima pendidikan di Australia.

Dr Mahathir berkata, le-

bih 10,000 rakyat Malaysia adalah alumni yang pernah mendapat pendidikan di pusat pengajian tinggi di negara itu.

"Niat baik dan persefahaman di kalangan rakyat Malaysia yang pernah hidup, belajar dan bekerja di Australia adalah resipi bagi mengukuhkan ikatan antara Malaysia dan Australia," katanya.

Menurutnya, interaksi rapat dengan keterbukaan fikiran membantu menyingkirkan sebarang andaian tidak berasas dan mengubah paradigma ke arah persefahaman membina.

"Persefahaman memupuk persahabatan dan menyumbang ke arah keamanan dan harmoni," katanya.

Dr Mahathir berkata, pensejagatan di bidang ekonomi dan anjakan ke arah perdagangan bebas serta regionalisme di kalangan negara Asia Pasifik menawarkan banyak peluang bagi kerjasama antara kedua-dua negara.

Menurutnya, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, perdagangan antara Australia dan Malaysia semakin menggalakkan. Pada tahun lalu saja jumlah perdagangan kedua-dua negara berjumlah RM4.74 bilion, meningkat 23.7 peratus berbanding RM2.7 bilion tahun sebelumnya.